

**Pilih calon kehendak rakyat keputusan tepat
Utusan Online
24 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 23 Mac - Pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memilih calon pilihan raya mengikut kehendak rakyat merupakan keputusan yang bertepatan dengan slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Yang Dipertua Persatuan Kerabat Diraja Kedah, Datuk Tengku Zainol Rashid Tengku Yahya berkata, ketegasan Najib yang sanggup kehilangan rakan yang lebih mementingkan cita-cita politik serta kepentingan peribadi juga membuktikan keprihatinan beliau terhadap kebajikan rakyat.

Menurut beliau, sekiranya Najib benar-benar mampu memilih calon yang dikehendaki oleh rakyat, sudah pasti UMNO serta Barisan Nasional (BN) mampu memenangi pilihan raya umum akan datang khususnya di negeri-negeri dikuasai pembangkang termasuk Kedah.

"Kami menyokong penuh pendirian Perdana Menteri. Jika dahulu rakyat tetap memilih UMNO dan BN tidak kira siapa pun calon yang dipilih bertanding, tetapi kini tidak lagi kerana rakyat semakin bijak menilai.

"Mereka tidak akan memilih calon yang dirasakan tidak mesra rakyat, tidak mampu membantu mereka serta lebih mementingkan cita-cita politik. Jadi pendirian serta ketegasan Perdana Menteri memang tepat pada waktunya dan merupakan mesej penting kepada semua ahli parti.

"Selain itu, kami juga bersetuju sekiranya nama-nama calon yang dipilih untuk bertanding pada pilihan raya nanti diumumkan lebih awal supaya memberi keselesaan kepada mereka untuk menjalankan tugas serta mengelakkan wujudnya sindrom 'syok sendiri' di kalangan ahli parti," katanya ketika ditemui di pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Najib mengenai keperluan mengikut kehendak rakyat dalam memilih calon bagi pilihan raya kerana suara rakyat lebih utama.

Menurut Tengku Zainol Rashid, berdasarkan situasi semasa di Kedah, beliau yakin BN mampu merampas kembali negeri tersebut daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang.

"UMNO dan BN perlu pandai menggunakan peluang di mana Pas Kedah semakin lemah serta berpecah ketika ini. Justeru, pemilihan calon sangat penting sekiranya Perdana Menteri mampu meletakkan calon yang sesuai dan digemari rakyat Kedah, tiada masalah BN akan menang dengan selesa di sana," jelasnya.

Sementara itu Setiausaha Gabungan NGO Malaysia, Mohd. Jurit Ramli berharap tiada calon dipilih berdasarkan bantuan 'orang dalam', sebaliknya setiap ahli perlu menonjolkan kemampuan masing-masing sekiranya berhasrat dipilih.

"Tidak perlu melobi untuk menjadi calon. Sebaliknya setiap ahli parti perlu menonjolkan kemampuan sendiri menerusi aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat serta ikhlas dalam setiap tugas yang dilaksanakan tanpa melibatkan kepentingan peribadi," ujarnya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0324&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm